



KENYATAAN MEDIA

KERJA-KERJA MEROBOK BANGUNAN HOTEL LABUAN

30 JUN 2025 (ISNIN) – YB Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) telah menyempurnakan simbolik penyerahan kerja-kerja Merobok Bangunan Bekas Hotel Labuan dan Meratakan Tapak serta Kerja-kerja Berkaitan di WP Labuan kepada kontraktor yang telah berjaya dalam penialain tender untuk kerja-kerja tersebut. Majlis ini telah diadakan di Wisma Perbadanan Labuan

Bangunan bekas Hotel Labuan yang mempunyai 11 tingkat utama, 2 tingkat blok podium, aras bawah tanah dan sebuah kolam renang telah dibina dan mula beroperasi pada tahun 1978. Operasi hotel ini telah ditutup pada tahun 1997 atas isu keselamatan bangunan yang pada masa itu telah berusia 40 tahun. Keputusan untuk merobok bangunan tersebut telah diputuskan oleh Mesyuarat Perbadanan Labuan dengan anggaran kos sebanyak RM6.8 juta.

Kos tersebut meliputi kos lantikan perunding, lantikan kontraktor, pemindahan sebuah pencawang elektrik, kerja-kerja pembuangan sisa binaan, kerja-kerja meratakan tapak serta kerja-kerja lain yang berkaitan. Kerja-kerja merobok dijangka akan bermula pada Ogos 2025 dan akan mengambil masa antara 32 minggu hingga 36 minggu.

Sudah tiba masanya kawasan tersebut diberi wajah baharu, dibangunkan serta digunapakai untuk kegunaan lain yang lebih memerikan manfaat yang lebih meluas. Kerja-kerja perobohan bangunan ini akan membuka peluang kepada kepelbagaian aktiviti komersial yang mampu mengurangkan jurang taraf hidup serta meningkatkan taraf hidup apabila Kawasan tersebut dibangunkan nanti. Kerja-kerja ini juga menarik peluang pelaburan dari dalam dan luar negara sekaligus membuka peluang pekerjaan pelbagai sektor serta merancakkan pertumbuhan ekonomi di WP Labuan.

Oleh yang demikian, Perbadanan Labuan juga ingin memaklumkan sepanjang kerja-kerja merohoh bangunan dilaksanakan, penutupan dan lencongan laluan akan dilaksanakan bagi memudahkan kerja-kerja tersebut dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Warga Labuan adalah dinasihatkan untuk sentiasa mengambil cakna terhadap sebarang pengumuman yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh dirujuk terus kepada Jabatan Penilaian dan Pangurusan Harta ditalian 087-408600 atau Jabatan Pembangunan dan Kejuruteraan ditalian 087-408601 pada waktu pejabat

Disediakan oleh:

JABATAN HAL EHWAL KORPORAT

PERBADANAN LABUAN

30 Jun 2025

Bangunan Hotel Labuan:

Bilangan tingkat : 11 tingkat dibina dan mula beroperasi pada tahun 1978

Bilangan bilik : 150 buah bilik

Fasiliti lain : Sebuah kolam renang, lot-lot kedai, 2 tingkat blok podium, aras bawah tanah, pencawang elektrik

Bangunan tersebut ditutup sepenuhnya pada tahun 1997 disebabkan isu keselamatan bangunan

Hakmilik dan keluasan tanah : Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP), PN11193, Lot 30356, 4218 meter persegi, 1.189 ekar

Bayaran pajakan : RM1,030.00 setahun

Bayaran cukai : RM9,624.00 setahun

Syarikat Perunding: Jurutera Perunding Rekajaya Sdn Bhd

Kos : RM483,022.66

Tempoh Lantikan Perunding: 6 Januari 2025 hingga 19 Julai 2027 (30 Bulan 14 Hari)

Kontraktor :

Kos : RM5,467,000.00

Tempoh kerja meroboh : 32 hingga 36 minggu (Julai 2025 hingga Mac 2026)

Kerja-kerja termasuk:

- GENERAL CONDITIONS AND PRELIMINARIES
- ENVIRONMENTAL PROTECTION AND ENHANCEMENT
- CLEARING AND DEMOLITION WORKS (22,412.50 SQM)
- EARTHWORKS
- PROVISIONAL SUMS
- CREDIT VALUE OF THE SALVAGE FOR BUILDING MATERIALS

Outcome :

- Pelbagai aktiviti komersial dapat dilaksanakan.
- Mengurangkan jurang taraf hidup dan pengangguran pekerjaan.
- Peningkatan taraf hidup dan suasana yang lebih kondusif dan mampan.

- Merancakkan pertumbuhan ekonomi di WP Labuan akan mewujudkan lebih banyak perniagaan.
- Membuka ruang baharu kepada pelabur
- Membuka peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor
- Pembangunan komersial yang dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat.
- Peningkatan aktiviti perniagaan,program dan lain-lain

Perkara yang akan terlibat :

- Penutupan dan lencongan laluan
- Gangguan trafik dan lalulintas
- Perubahan lokasi Bazar Ramadan dan Pasar Tani
- Perubahan lokasi Pencawang Elektrik milik Sabah Electricity Sdn Bhd
- Gangguan bunyi
 - Perbadanan Labuan memohon agar orang ramai sentiasa mematuhi arahan yang dikuatkuasakan atau dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan Perbadanan Labuan. Sebarang maklumat akan dikemaskini dari semasa ke semasa

One Stop Centre :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

Jabatan Pembangunan dan Kejuruteraan